



MAJLIS PELANCARAN PROGRAM EKO KOMUNITI #TRASHTOCASH DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAMAN KOSAS, AMPANG, SELANGOR



Pada 30 November 2019, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melancarkan Program Eko Komuniti #*trashtocash* di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Kosas, Ampang, Selangor. Program ini dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Selangor, YB Tuan Hee Loy Sian diiringi Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPKT, YBhg. Datuk Zamri bin Salleh.

Program Eko Komuniti #*trashtocash* adalah merupakan inisiatif KPKT yang diilhamkan di bawah pelaksanaan Dasar Komuniti Negara (DKOMN). Program ini dikategorikan di bawah kluster Dasar Komuniti Negara iaitu **Kluster 2: Kebersihan, Alam Sekitar dan Kesihatan** dan **Kluster 6: Keusahawanan dan Perniagaan Sosial**.

Program ini diperkenalkan adalah untuk meningkatkan penglibatan komuniti setempat dalam menjaga kebersihan dan mengutamakan kesihatan dalam kehidupan harian. Malahan, program ini dapat membantu meningkatkan kesedaran komuniti tentang kepentingan pengasingan sampah dan pada masa yang sama dapat menjana pendapatan sampingan melalui sampah yang dikitar semula.



Semasa program ini berlangsung, penduduk di sekitar Ampang, Selangor telah melakukan pelbagai aktiviti seperti *plogging fun run* sejauh 3 kilometer, audit sampah, Pelancaran Hero Komuniti dan pelbagai aktiviti sampingan yang menarik iaitu pertandingan mewarna, cabutan bertuah dan tarian Zumba telah diadakan.

Justeru, Program Eko Komuniti ini adalah untuk membolehkan komuniti berupaya menjadikan tempat tinggal mereka lebih bersih, hijau dan selamat tanpa memerlukan pemantauan dan juga merupakan satu platform untuk komuniti menjana pendapatan sampingan dengan mudah melalui sampah yang dikitar semula.

Sumber: Unit Komunikasi Korporat